

UTHM/PPUK/600-12/14 (67)

12 September 2019



Dra. Hj. Umami Mahmudah. M.Ag.
Rektor
Institut Agama Islam Riyadhotul Mujahidin
Ngabar, Ponorogo, Jawa Timur
Indonesia

Tel.: (+62) 352 - 311484

Ibu Rektor,

**PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR PENSYARAH DAN PELAJAR PUSAT
PENGAJIAN UMUM DAN KOKURIKULUM, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
(UTHM) KE INSTITUT AGAMA ISLAM RIYADHOTUL MUJAHIDIN, NGABAR, PONOROGO,
JAWA TIMUR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan juga perbincangan terdahulu melalui mesyuarat serta telefon yang telah dijalankan bersama Drs. Purnomo. M.Ag, Pensyarah di Fakulti Tarbiyah, IAIRM Ngabar, Ponorogo.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kami pensyarah dan pelajar daripada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan mengadakan Program lawatan sambil belajar Antarabangsa ke IAIRM Ngabar seperti butiran berikut:

Tarikh : 27 Oktober 2019 (Hari Ahad)
Masa : Jam 09.00 WIB
Jumlah Peserta : 32 Orang

3. Program ini adalah merupakan salah satu aktiviti kerjasama yang dijalankan melalui Letter of Intent (LoI) yang akan ditandatangani oleh pihak UTHM dan IAIRM Ngabar, Ponorogo. Dalam program ini pelajar akan bertukar pengalaman dengan pelajar di IAIRM Ngabar, Ponorogo. Di antara objektif program ini adalah:-

- (i) Mendedahkan pelajar kepada budaya dan suasana akademik di IAIRM Ngabar, Ponorogo.
- (ii) Melahirkan pelajar yang berdikari dan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.
- (iii) Meningkatkan pengalaman dan pengetahuan mengenai khidmat komuniti di peringkat antarabangsa.
- (iv) Menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan dan bertukar-tukar fikiran mengenai program mobiliti antara tenaga pengajar kedua-dua Institusi Pengajian Tinggi.

4. Bersama-sama ini disertakan **tentatif program** dan **senarai nama pelajar dan pensyarah** yang terlibat untuk makluman pihak Ibu Rektor. Segala pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan dengan menghubungi **Dr. Siti Marpuah**, Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum di talian **+60122677659**.

Segala kerjasama pihak Ibu Rektor berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



PROF. MADYA DR. KHAIRUL AZMAN BIN MOHAMAD SUHAIMY

Dekan

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

b/p Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel : +607-4537480

- sk - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Drs. Purnomo. M.Ag
Pensyarah di Fakultas Syariah
IAIRM Ngabar, Ponorogo